

## **BAB 5**

### **PROTES DALAM POLITIK ISLAM**

#### **5.1 Prinsip-prinsip Protes Dalam Al-Quran dan Al-Sunnah**

Islam mempunyai pendirian yang tegas dalam menetapkan prinsip-prinsip protes yang dibenarkan dalam sesebuah sistem politik. Penetapan prinsip-prinsip ini dijelaskan secara umum dalam al-Quran dan al-Sunnah. Walaupun istilah protes tidak terdapat dalam dua sumber rujukan utama ini, namun pengertian yang sama telah disentuh dan diuraikan dengan agak terperinci. Protes yang difahami secara umum sebagai tindakan menentang atau membantah kepada pihak yang berkuasa boleh diterjemahkan dari sudut pandangan Islam sebagai perjuangan menentang pemerintah yang tidak bertanggungjawab.

Pengertian ini jelas dalam sebuah hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud : “Sepatah kata keadilan di depan seorang pemerintah yang tidak adil adalah jihad yang terbesar” (Qutb, 1964 : 292). Pengistilahan jihad dalam konteks penggunaan hadis ini bukanlah merujuk kepada peperangan, sebagaimana yang biasa difahami. Jihad yang dimaksudkan di sini ialah “perjuangan ke arah pembaikan dan pemurnian yang diusahakan secara bersungguh-sungguh” (Zambry Abd. Kadir, 1990 : 120). Dalam konteks politik, jihad dalam hadis tersebut boleh disesuaikan dengan protes secara terbuka yang dilahirkan melalui kritikan atau kata-kata nasihat. Hadis ini turut menjelaskan bahawa Islam bukan sahaja membolehkan protes secara aman dan terbuka kepada pemerintah, malah ia dianggap sebagai satu perjuangan atau jihad yang besar di sisi agama.

Hadis tersebut turut menegaskan bahawa prinsip utama protes yang dibolehkan atau disahkan dalam politik Islam ialah keadilan. Prinsip ini tidak hanya ditujukan kepada pemerintah – iaitu boleh diprotes apabila tidak adil, tetapi juga

kepada pihak yang diperintah – iaitu menyatakan bantahan yang benar sahaja. Prinsip keadilan yang sama juga diletakkan oleh doktrin politik Islam berkaitan ketaatan, sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab sebelum ini.

Al-Mawardi salah seorang ahli politik Islam yang terkemuka, menjelaskan bahawa adil adalah satu sifat mulia yang dikaitkan dengan benar dalam percakapan, beramanah, benci terhadap perkara-perkara haram, memelihara diri daripada dosa dan mengelakkan diri dari *syubhah* serta *zuhud* dalam urusan keagamaan dan keduniaan (Hasjmy, 1970 : 165).

Oleh yang demikian, sebarang bentuk protes yang dirancang oleh umat Islam harus dilaksanakan secara jujur dan adil. Protes bukanlah satu tindakan membalas dendam atau usaha untuk menguasai pihak lain dengan cara kekerasan. Sebaliknya Islam menetapkan batasan-batasan yang ketat pada cara perlaksanaannya – prinsip yang dapat mencegah sebarang tindakan protes supaya tidak bertukar menjadi kekerasan dan keganasan. Hal ini diperingatkan dalam ayat al-Quran yang bermaksud : “Perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu tetapi janganlah kamu melampaui batas, kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas” (al-Quran, 2 : 190).

Prinsip dan batasan yang bersifat umum ini diperjelaskan lagi melalui sabda Rasulullah yang bermaksud : “Sesiapa yang berada di bawah kepimpinan seseorang dan melihat pemimpinnya melakukan kederhakaan kepada Allah, maka ia mesti membenci apa yang dilakukan pemimpin itu, tetapi tidak boleh ia memberontak” (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim).

Justeru, protes yang melibatkan pemberontakan secara kekerasan yang melampaui batas hukum syarak sangat dilarang dalam Islam. Seseorang yang ingin menyatakan protesnya perlu berpegang kepada prinsip tidak melampaui batas-batas

yang ditetapkan oleh al-Quran dan al-Sunnah. Islam membataskan supaya tidak membunuh wanita dan anak kecil, tidak menganiyai orang yang telah sepakat untuk hidup di bawah pemerintahan Islam, memberi kesempatan kepada pihak yang ditentang untuk menerima Islam dan mematuhi prinsip-prinsip keadilan dan kejujuran Islam (Mumtaz Ahmad, 1996 : 188).

Ini menunjukkan konsep protes dalam politik Islam, sebagaimana diterangkan dalam al-Quran dan Hadis, tidak mengandung unsur peperangan, keganasan dan kezaliman. Protes hanya dilakukan sebagai perjuangan menegakkan keadilan dan kebenaran secara aman dengan mengelak pertumpahan darah.

Namun ini tidak bermakna Islam mempunyai pendirian yang lemah terhadap golongan rakyat yang ditindas secara zalim. Terdapat banyak ayat al-Quran yang mendorong golongan yang ditindas untuk memperolehi kekuatan menentang pemerintah yang zalim. Kekuatan yang dimaksudkan ialah keupayaan mereka untuk menghindarkan diri dari unsur-unsur kelemahan yang mendorong mereka pada sikap yang keliru, yakni bertaat setia buta kepada pemerintah yang menindas.

Al-Quran membangkitkan kesedaran protes terhadap pemerintah yang zalim melalui gambaran ketidakupayaan mereka memberi manfaat dan mudharat kepada golongan yang dikuasai, yakni dari segi pemberian rezeki, penentuan hidup dan mati. Walaupun dari segi lahiriah, mereka seolahnya kuat, berkuasa dan memiliki berbagai sumber, tetapi sumber kekuatan sebenar adalah milik Allah s.w.t. (Muhammad Husain Fadhlullah, 1995 : 35). Pengertian inilah yang dijelaskan dalam ayat-ayat berikut ini : Katakanlah, “Mengapa kamu menyembah selain Allah sesuatu yang tidak dapat memberi mudharat kepadamu dan tidak pula berupaya memberi manfaat?”. Dan Allahlah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui (al-Quran, 5 : 76).

Katakanlah, “Serulah mereka yang kamu anggap (sebagai Tuhan) selain Allah. Mereka tidak memiliki kemampuan seberat zarah pun di langit dan di bumi, dan mereka tidak mempunyai suatu andil pun dalam (penciptaan) langit dan bumi, dan sekali-kali tidak ada di antara mereka yang menjadi pembantu baginya” (al-Quran, 34 : 22).

Pada banyak ayat lain, orientasi seperti inilah yang dipertegasakan dalam Al-Quran. Islam menyeru kepada golongan yang lemah untuk membebaskan diri daripada tekanan pengaruh bertaat setia buta melalui perbandingan diri mereka dengan pihak yang dianggap berkuasa. Dengan demikian, mereka dapat menyedari bahawa pemerintah sama sekali tidak mempunyai kekuatan yang tersembunyi, seperti yang difahami sebagai daulat atau shakti. Oleh itu, untuk apa mereka mesti tunduk dan patuh kepada pemerintah yang zalim tersebut. Kesedaran inilah yang dibangkitkan dalam firman Allah yang bermaksud: “Sesungguhnya orang-orang yang kamu sembah selain Allah itu adalah makhluk yang serupa denganmu. Maka serulah mereka, lalu biarkanlah mereka memperkenankan permintaanmu, jika kamu memang orang-orang yang benar” (al-Quran, 7 : 194).

Perlu ditegaskan bahawa meskipun ayat-ayat di atas memberi penumpuan khusus kepada masalah membasmi penyembahan kepada selain Allah, dan bukan tentang mentaati penguasa atau pemerintah yang zalim atau diktator, namun dalil-dalil ini dikemukakan sebagai tindakbalas terhadap gelombang *kemusyrikan* yang terdapat dalam politik umat Islam kini.

Fenomena penyembahan terhadap sesama manusia atau benda-benda lainnya adalah dampak dari kepercayaan tentang adanya kekuatan mutlak atau luar biasa pada objek tersebut. Jesteru, dalam keadaan masyarakat yang tertekan, wujudlah kecenderungan mempertuankan para penindas itu semacam tuhan yang tidak boleh

digugat. “Kepercayaan palsu” ini merupakan akibat daripada perasaan lemah menghadapi kekuatan penindas, yakni suatu hal yang terus diusahakan pengikisannya oleh Al-Quran. Islam menolak kepercayaan palsu ini sebagai bercanggah dengan konsep tauhid yang menjadi falsafah politik Islam.

Nilai pembelaan diri atau protes terhadap pemerintah yang bertindak zalim merupakan salah satu nilai yang penting. Kepentingan ini disentuh dalam firman Allah yang bermaksud “Dan (bagi) orang-orang yang apabila diperlakukan dengan zalim, mereka membela diri” (al-Quran, 42 : 39). Nilai pembelaan diri atas prinsip keadilan merupakan suatu hak rakyat yang dipertanggungjawabkan ke atas pemerintah. Persoalan hak dan tanggungjawab ini ada dijelaskan dalam ayat lain yang bermaksud : “Dan sesungguhnya orang-orang yang membela diri sesudah teraniaya, tiada suatu dosa pun atas mereka. Sesungguhnya dosa itu atas orang-orang yang berbuat zalim kepada manusia dan melampaui batas di muka bumi tanpa hak. Mereka mendapat azab yang pedih” (al-Quran, 42 : 41-42).

Cara terbaik yang dianjurkan oleh Islam dalam melahirkan protes dalam konteks hubungan sesama manusia adalah mengikut peringkat kemampuan seseorang. Sebagaimana yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w., dalam hadis baginda yang bermaksud : “Barang siapa di antara kamu yang melihat kemungkaran, maka hendaklah ia mengubah dengan tangannya (kuasa). Kalau tidak sanggup, maka hendaklah ia mengubah dengan lidahnya (nasihat). Namun jika tidak berdaya juga, hendaklah dengan hati (doa). Maka yang demikian itu adalah selemah-lemah iman” (Riwayat Bukhari dan Muslim ).

Yang terakhir dan paling utama, protes dalam apapun cara yang tersebut di atas haruslah dilakukan dengan tujuan menegakkan Islam (Harun Taib, 1981 : 77). Dengan kata lain, matlamat protes terhadap pemerintah mestilah bertujuan untuk

menghidupkan kembali prinsip-prinsip negara Islam, seperti yang dituntut dalam al-Quran dan al-Sunnah. Bukan dengan sebab pribadi atau kepentingan lainnya. Ini kerana protes yang menepati prinsip-prinsip ini akan berperanan sebagai saluran utama kepada pembentukan negara Islam dan kelangsungan politik Islam itu sendiri.

## 5.2 Kepentingan Protes Dalam Politik Islam

Kepentingan protes dalam politik terdapat dalam ketetapan syariat Islam yang menjadikan *amar ma'ruf nahu munkar* sebagai kewajipan agama. Secara ringkas ia boleh ditafsirkan sebagai kewajipan menegakkan kebaikan dan menentang kemungkaran. Namun dalam konteks perbincangan ini, kewajipan ini boleh disimpulkan sebagai satu kewajipan bersifat menentang atau memprotes sebarang bentuk kemungkaran dan penyelewengan yang berlaku dalam setiap aspek kehidupan manusia, yang meliputi aspek sosial, ekonomi dan politik.

Kewajipan ini disebutkan dalam firman Allah yang bermaksud : “Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar. Mereka itulah orang-orang yang beruntung” (al-Quran, 3 : 104).

Melalui pendekatan ini, Islam mencipta sikap yang kuat dalam menentang kezaliman dan kemungkaran yang wujud dalam sistem politik. Tindakan protes dapat menjadi benteng yang dapat menahan peserta politik dari bertindak secara sewenang-wenangan. Ini termasuklah juga penyelewengan ekonomi yang terlihat dalam sistem politik yang dibangunkan atas prinsip monopoli, manipulasi, rasuah dan cara-cara yang tidak adil lainnya.

Cetusan protes dalam politik umat Islam adalah hasil integrasi nilai-nilai *islah* dan *tadhkiyyah* yang tuntas. Keazaman untuk menentang kezaliman pemimpin adalah

lahir dari kesedaran tentang harga diri dan kebebasan dalam diri setiap individu. Pembebasan manusia dari sistem kasta dan kelas menimbulkan kesedaran untuk menegakkan keadilan dalam masyarakat. Dengan ini visi protes umat Islam boleh diserasikan dengan tuntutan Islam. Kepentingan menentang kezaliman melalui tindakan protes pernah disentuh oleh Saidina Ali yang mengatakan "...sebaik-baik *amar ma'ruf nahu munkar* adalah perkataan adil yang disampaikan kepada pemimpin yang menyeleweng" (Muhammad Husain Fadhlullah, 1995 : 41).

Tujuan mengerakkan protes melalui konsep *nahu munkar* dalam politik Islam adalah untuk mengubah masyarakat yang rosak kepada masyarakat yang baik. Matlamat inilah yang dinyatakan oleh Saidina Husain dalam khutbahnya sebelum beliau berangkat menuju Karbala, bagi memerangi Muawiyah yang bertindak sebagai penguasa yang menyeleweng dari lunas-lunas keadilan Islam. Saidina Husain mengatakan : "Sesungguhnya Rasulullah telah bersabda , "Barangsiapa di antara kamu melihat penguasa yang menyeleweng, yang mengharamkan apa yang diharamkan oleh Allah, merosakkan janjinya kepada Tuhan, menyimpang dari sunnah Rasul-Nya, memperlakukan rakyat dengan dosa dan permusuhan, lalu dia tidak mahu mengubahnya dengan perbuatan dan ucapan, maka adalah hak bagi Allah untuk memasukkannya ke neraka. Ketahuilah bahawa mereka telah melaksanakan ketaatan kepada syaitan dan meninggalkan ketaatan kepada Tuhan Yang Maha Penyayang. Mereka telah melakukan kerosakan dan melanggar batas, menjadikan harta rampasan untuk diri mereka, menghalalkan apa yang diharamkan Allah, dan mengharamkan apa yang diharamkan-Nya, dan aku adalah orang yang paling berkewajipan untuk mengubahnya..."(Muhammad Husain Fadhlullah, 1995 : 41).

Konsep perubahan inilah yang dijelaskan dalam teori tingkatan negara Al-Farabi, yakni daripada negara menyeleweng (*Madinah al-Mutabaddilah*) kepada negara utama (*Madinah al-Fadhilah*) (Idris Zakaria, 1986 : 96-99).

Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa Islam mempunyai prinsip yang tegas dalam menggerakkan semangat protes terhadap ketidakadilan pemerintah. Kepentingannya bersifat menyeluruh kepada kebaikan kedua-dua belah pihak, iaitu pemerintah dan yang diperintah. Ini kerana pandangan Islam terhadap tanggungjawab seseorang Muslim tidak hanya tertumpu kepada ketaatan diri kepada hukum-hukum Islam, tetapi meluas kepada peranan menegakkan keadilan dan menentang sebarang bentuk kezaliman dalam pemerintahan sesebuah negara.